

17/02/2001

Kemelut politik Sabah perlu segera diatasi

Lichong Angkui

POLITIK Sabah sedang sakit dan demam. Ia mesti dirawat segera dan ubatnya perlu dibawa dari Kuala Lumpur. Jika tidak, sakitnya akan melarat, menjangkiti mereka yang tidak sakit. Dan apabila ini terjadi, wabak akan merebak dan akhirnya bencana datang tanpa diundang.

Mungkin ia tidak dirasakan di Semenanjung kerana kejauhan geografi Sabah dipisahkan oleh Laut China Selatan. Namun, inilah gambaran kemelut politik Sabah pada hari ini. Rasa pedihnya begitu menyakitkan, seperti ngilu geseran rimbunan pokok bambu ditiup angin.

Gawat politik Sabah bercampur-aduk antara isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah dengan pemilihan Umno peringkat bahagian.

Dua persoalan ini menjadi bualan hangat di kedai kopi dan menghiasi dada akhbar-akhbar tempatan di Kota Kinabalu, sekali gus mewarnai persada politik Negeri Bawah Bayu itu.

Dalam isu penggiliran jawatan Ketua Menteri umpamanya, persoalan mengenai sama ada sistem itu diteruskan atau dimansuhkan terus menjadi teka-teki. Ramai pemerhati politik menjangka sesuatu dapat diketahui kelmarin selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengadakan pertemuan berasingan dengan pemimpin parti komponen BN utama Sabah di Kuala Lumpur.

Namun hingga kini, belum ada perkhabaran mengenainya melainkan kenyataan umum daripada seorang dua pemimpin parti komponen BN Sabah. Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, yang kini menjadi fokus tumpuan politik Malaysia keseluruhannya, sendiri belum membuat ulasan terperinci berhubung pertemuan dengan Dr Mahathir tempoh hari.

Malah kepulangan senyap-senyap Osu ke Sabah kelmarin juga menimbulkan tanda tanya, sekali gus mencetuskan bermacam-macam spekulasi baru.

Namun, kenyataan Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat, bahawa suatu formula baru perlu diadakan untuk kestabilan politik, memberi sedikit bayangan kemungkinan sistem itu dimansuhkan.

Penganalisis politik berpendapat Chong tidak mungkin membuat kenyataan itu sekiranya sistem itu diteruskan.

Sistem itu diperkenalkan pada 1994 oleh Dr Mahathir sebagai langkah mewujudkan kestabilan politik Sabah, dengan menggilirkan pemimpin tiga kaum utama menjadi Ketua Menteri setiap dua tahun.

Ia didahului kuota Bumiputera Islam dengan penyandanganya Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri) dan Datuk Seri Salleh Tun Said, kemudian Cina (Datuk Yong Teck Lee) dan Bumiputera bukan Islam (Tan Sri Bernard Dompok).

Selepas pilihan raya negeri 1999, sistem itu diteruskan dan Datuk Osu Sukam dilantik Ketua Menteri hingga hari ini. Penggal dua tahunnya dijadualkan tamat pertengahan bulan depan.

Sebelum ini, ada desakan supaya sistem itu dimansuhkan tetapi ada juga yang mahu ia diteruskan.

Disebabkan hal ini, maka politik di kalangan parti komponen BN Sabah mengenai siapa berhak menyandang jawatan Ketua Menteri menjadi perdebatan cukup serius. Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Upko) masing-masing mendakwa mewakili masyarakat Kadazandusun/Murut. Begitu juga Parti Maju Sabah (SAPP) yang diterajui Yong dan LDP diketuai Chong, masing-masing mengaku sebagai pembela nasib masyarakat Cina.

Keputusan mesti dibuat dalam tempoh terdekat ini. Sakit kecelaruan

politik ini menuntut pemimpin tertinggi di Kuala Lumpur membawa ubat untuk menyembuhkannya.

(END)